

ILMU TAKHRĪJ AL-HADĪTH: PENGERTIAN, SEJARAH DAN KEPENTINGANNYA

Oleh:
Fauzi Deraman

Abstract

Takhrij al-Hadīth is part and parcel of the studies of Hadīth. Its significance especially lies in analyzing the sanad of ḥadīth which in turn establishes the level of authenticity of a ḥadīth. This article attempts to give further elaboration on this aspect besides giving its historical background.

PENDAHULUAN

Ilmu hadith adalah di antara ilmu Islam yang penting memandangkan pengaruhnya ke atas ilmu-ilmu yang lain seperti tafsir, aqidah dan fiqh. Manakala ilmu *takhrij al-ḥadīth* yang merupakan salah satu cabang ilmu hadith yang berbentuk amali atau praktikal bagi ilmu Hadith dan *muṣṭalahnya*. Ia berkait rapat dengan kajian *sanad* dan *matan* hadith. Melalui ilmu ini seseorang akan didedahkan dengan berbagai karya dan sumber utama dalam pengajian hadith.

Memandangkan pentingnya ilmu *takhrij al-Hadīth* serta kaitannya yang sangat rapat dengan usaha menjaga autoriti hadith itu sendiri dan demi menginsafi betapa perlunya ilmu ini diberi lebih perhatian termasuk mendedahkannya kepada para pelajar Islam terutama di peringkat pengajian tinggi, penulis terpanggil untuk menyiapkan artikel ringkas ini.

PENGERTIAN TAKHRĪJ

Dari segi etimologinya perkataan *takhrij* berasal dari kata kerja transitif:

يُخْرِجُ - خَرَجَ - خَرَجَ

bermaksud “keluar dari suatu tempat (baik yang kelihatan ataupun maknawi) ke tempat lain tanpa menzahirkan diri atau dengan menzahirkan diri.”

Maksud inilah yang terdapat dalam firman Allah:

فخرج منها خائفا يترقب

Maksudnya:

“Maka keluarlah Musa dari kota itu dalam keadaan cemas sambil mendengar-dengar (berita) mengenai dirinya.”¹

Juga firman Allah:

وإذا جاءوكم قالوا ءامنا وقد دخلوا بالكفر وهم قد خرجوا به والله أعلم بما

كانوا يكتُمون

Maksudnya:

“Dan apabila mereka (Yahudi atau Munafik itu) datang kepadamu, mereka berkata: “Kami telah beriman.” Padahal sesungguhnya mereka itu masuk menemui kamu dengan kekufurannya, dan sesungguhnya mereka keluar (dari sisi kamu) dengan kekufurannya juga, dan (hendaklah mereka ingat), Allah lebih mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan.”²

Firman Allah juga:

لو خرجوا فيكم ما زادوكم إلا خبالا

Maksudnya:

“Jika mereka keluar bersama-samamu, mereka tidak menambah kamu selain dari kerosakan belaka.”³

Takhrij yang asalnya dari kata kerja tak transitif dari ungkapan الخروج bermaksud “asingkan sesuatu dari tempat asalnya dan menzahirkannya di tempat lain,” seperti apabila dikatakan: حَرَّجْهُ فِي الْعِلْمِ وَالْأَدَبِ

¹ Surah al-Qaṣaṣ, 28: 21.

² Surah al-Mā'idah, 5: 61.

³ Surah al-Tawbah, 9: 47.

bermaksud dipisahkan keadaannya dengan diasuh dan dilatih dari keadaan jahil dan tidak beradab dan dizahir serta ditonjolkan dalam keadaan berilmu dan beradab.”

Takhrīj juga berasal dari kata kerja tak transitif *خَرَجَ يَخْرُجُ* iaitu “berlaku dalam dua keadaan” dengan itu dikatakan *خَرَجَتِ الْأَرْضُ* apabila sesuatu tumbuhan boleh tumbuh dalam satu keadaan dan tidak tumbuh dalam keadaan yang lain. *Takhrīj* yang berasal dari kata kerja transitif *الْخَرَجَ* bermaksud “dua keadaan yang berlainan.” Apabila dikatakan *خَرَّجَ الشَّيْءَ* iaitu mewarnakan dia dengan dua warna.

خَرَّجَ فُلَانٌ عَمَلَهُ iaitu menjadikan kerjanya berbagai dan beraneka.⁴

Berdasarkan penjelasan di atas, ungkapan *takhrīj* membawa kepada beberapa maksud:

1. Zahir dan jelas (*al-zuhūr wa al-bayān*).
2. *Istinbāt*, iaitu mengeluarkan semula dalam bentuk kesimpulan atau rumusan hukum.
3. Zahir kecerdikan, kebijaksanaan dan adab seseorang.
4. *Al-Tadrīb* dan *al-Tawjīh* (melatih dan menghalakan penjelasan kepada sasaran yang benar).⁵

Walau bagaimanapun, kesemua maksud di atas masih berlegar di sekitar maksud pertama iaitu menzahir dan menjelaskan sesuatu dan ia berlaku dalam dua bentuk iaitu *ḥissi* (yang boleh dilihat dan dikesan) dan *ma'navi*.

PENGERTIAN TERMINOLOGI BAGI *TAKHRĪJ*

Merujuk kepada pemakaian para muḥaddithin dapat dirumuskan bahawa *takhrīj* merujuk kepada pengertian berikut:

⁴ Dr. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abadī, *Takhrīj al-Ḥadīth Nasy'atuh wa Manhajiyatuh*, Kuala Lumpur, Dār Syākir, 1999, hal. 6-7 dipetik dari Ismā'īl bin Ḥammad al-Jawhari, *al-Ṣiḥah*, tahqiq: Aḥmad 'Abd al-Ghafūr 'Attār, Beirut: Dār al-Malāyīn, 1982, 1/310; Abū al-Ḥasan Aḥmad ibn Faris, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, tahqiq: 'Abd al-Salām Ḥārūn, Kahirah: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1970, 2/175-176; Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'kub al-Fayruz Abadī, *Qāmūs al-Muḥīṭ*, Beirut: Muasasah al-Risālah, 1987, 1/192 dan 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah*, Kahirah: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, 1999, hal. 442.

⁵ Dr. Maḥmūd al-Taḥḥan, *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānīd*, Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, 1998, hal. 9.

1. Periwatyan hadith oleh para ahli hadith (*muḥaddithīn*).

Apabila seseorang perawi khususnya tokoh-tokoh besar meriwayatkan hadith dalam karya-karya mereka semasa pentadwinan dan penyusunan hadith khususnya di empat kurun pertama, seperti *Muwattā'* Imām Mālik, *Kutub al-Sittah*, *al-Masānid* dan lain-lain, para *muḥaddithīn* sendiri telah menggunakan perkataan *takhrīj* itu dalam karya-karya mereka.⁶

Menurut Ibn al-Ṣalāh: "Ulama hadith dalam penyusunan karya mereka ada dua cara: Pertamanya: Penyusunan mengikut bab iaitu *ditakhrījkan* menurut hukum-hukum fiqh dan selainnya..."⁷

Maksud *takhrīj* di sini adalah mengeluarkannya dan meriwayatkannya untuk orang ramai dalam karyanya.⁸

Takhrīj dalam pengertian inilah yang dimaksudkan apabila seseorang merujuk dan menisbahkan kepada apa yang dilakukan oleh tokoh-tokoh utama dalam hadith lalu dikatakan: *Hādḥā al-Ḥadīth akhrajahū al-Bukhārī* atau *Kharrajahū al-Bukhārī*.

Takhrīj juga termasuk apa yang dimuatkan oleh para *muḥaddithīn mutakhirīn* dari hadith-hadith yang telah dimuatkan tokoh hadith terdahulu dalam karya mereka, tetapi dengan sanadnya sendiri seperti yang dilakukan oleh Imām al-Darqutnī (m. 385H) dalam karyanya dengan meriwayatkan hadith Abū Ishāq al-Naysabūrī (m. 362H).

Imām al-Shakhāwī pula menyebut bahawa *takhrīj* adalah seorang Muḥaddith mengeluarkan hadith dari karya lain dan memberi ulasan terhadapnya serta menyebut siapakah dari kalangan penulis terdahulu yang mengeluarkannya dalam karya mereka.⁹

2. Merujukkan hadith kepada sumbernya serta dijelaskan nilai hadith dari aspek kekuatan atau kelemahannya jika perlu.

Ini bertepatan dengan ungkapan para *muḥaddithīn* bila mereka berkata: "Si anu

⁶ Lihat apa yang disebut oleh Imām Muslim dalam muqaddimah Ṣaḥīḥnya, *Ṣaḥīḥ Muslim*, tahqiq: Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t, 1/4, Aḥw al-Dāwūd dalam Risalahnya kepada penduduk Mekah, hal. 26.

⁷ 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān al-Shaharzūrī, Abū 'Amr, *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1978, hal. 228

⁸ Dr. Maḥmūd al-Taḥḥān, *op.cit*, hal. 11.

⁹ Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī, *Fath al-Mughīth Syarḥ Alfiah al-Ḥadīth*, tahqiq: 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Salafiyyah, 1388H, 2/813.

telah mentakhrijkan hadith-hadith dalam karya...”. Ia bermaksud menyebut balik hadith-hadith yang terdapat dalam karya tersebut dan kemudian mengisyaratkan kepada tokoh hadith yang meriwayatkan hadith tersebut dalam karya mereka dengan sanadnya, disertakan dengan penjelasan mengenai status hadith itu sama ada diterima atau sebaliknya. Contohnya apa yang dilakukan oleh al-Hāfiz Ibn Hajar (m. 852H) dalam karyanya *Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahādith Syarh al-Rafi’i al-Kabir*.

Imām Abū Hafs ‘Umar bin ‘Ali al-Anṣārī al-Shāfi’i yang dikenali dengan Ibn Mulaqqin (m. 804H) berkata dalam muqaddimah kitab beliau *al-Badr al-Munir fi Takhrij Ahādith al-Syarh al-Kabir*: “Saya menyusunnya mengikut susunan Syarh al-Rafa’i ... dengan menyandarkannya kepada orang yang mengeluarkannya pada asalnya, jika hadith atau athar itu terdapat dalam kedua-dua kitab Sahih Abū ‘Abdullah Muhammad bin Ismā’il al-Bukhārī dan Abū al-Husayn Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi, atau salah seorang dari kedua-duanya akan disandarkan kepada kedua-duanya, atau salah seorang darinya...”¹⁰

Takhrij dalam pengertian pertama berlaku dalam ruang yang sangat terbatas. Ia hanya sekadar memperturun atau menyebut sesuatu hadith lalu dinyatakan tokoh yang meriwayatkannya, seperti: “Dikeluarkan oleh Imām al-Bukhārī dalam Sahihnya”. Namun begitu, *takhrij* yang masih wujud dan yang dimaksudkan oleh para ilmuan semasa ialah *takhrij* dalam pengertian kedua. Ia bermaksud merujuk sesuatu hadith kepada sumbernya dan penjelasan mengenai statusnya bila perlu.

Dr. Mahmūd al-Taḥḥān selaku peneroka dan pengasas *takhrij* sebagai suatu ilmu telah mendefinisikan *takhrij* sebagai “Menunjukkan tempat adanya hadith dalam sumber utamanya yang dikeluarkan dengan sanadnya, kemudian dijelaskan statusnya ketika diperlukan.”¹¹ Ada beberapa definisi lain yang diberikan oleh beberapa ilmuan lain seperti Syekh Ahmad bin Muhammad al-Ghamari, Dr. ‘Abd al-Mawjūd Muhammad ‘Abd al-Latif, Dr. ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qadir, Dr. Hammām ‘Abd al-Rahim Sa’id dan Dr. Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abadi.¹²

¹⁰ Umar bin ‘Ali al-Anṣārī Ibn Mulaqqin, *Al-Badr al-Munir fi Takhrij Ahādith al-Syarh al-Kabir*, tahqiq: Jamāl al-Sayyid, Riyadh: Dār al-‘Asimah, 1414H, 1/311.

¹¹ Dr. Mahmūd al-Taḥḥān, *op.cit.*, hal. 12.

¹² Lihat: Ahmad bin Muhammad al-Ghamari, *Uṣūl al-Tafriḥ bi Uṣūl al-Takhrij*, Riyadh: Maktabah Ṭayyibah, hal. 13; Dr. ‘Abd al-Mawjūd ‘Abd al-Latif, *Kasf al-Lithām ‘An Asrār Takhrij Hadith Sayyid al-Anām*, Kahirah: Maktabah al-Azhar, 1984, 1/28; Dr. ‘Abd al-Muhdi ‘Abd al-Qadir, *Turuq Takhrij al-Hadith*, Kahirah: Dār al-I’tisām, t.t, hal. 10; Dr. Hammām ‘Abd al-Rahim Sa’id, *Takhrij al-Hadith*, ‘Ammān: Jāmi’ah al-Quds al-Maftūḥah, 1996, hal. 8; Dr. Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abadi, *op.cit.*, hal. 9.

Namun definisi itu kebanyakannya bertitik tolak dari apa yang diperkenalkan oleh Dr. al-Tahhān, dengan perincian, tokok-tambah dan ubahsuai sahaja. Dengan itu *takhrij* adalah menerangkan sumber hadith dan sanadnya serta menerangkan kedudukan hadith tersebut mengikut keperluan. Ringkasnya *ilmu takhrij al-Hadīth* adalah suatu ilmu yang membincangkan kaedah dan metod bagi memastikan usul asal sesebuah hadith dari sumber-sumber yang mu'tabar dan menilai kedudukannya berdasarkan kaedah penilaian yang tepat.

Penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan yang *takhrij* itu adalah satu kajian menyeluruh dari segenap aspek terhadap hadith dan merupakan pelaksanaan secara amali bagi 'ulūm hadīth itu secara menyeluruh.¹³ Ilmu yang berbentuk kaedah dan kemahiran ini terdedah kepada perkembangan sesuai dengan kemajuan teknologi dan ledakan informasi maklumat yang mengutamakan penggunaan komputer.

SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU TAKHRIJ AL-HADĪTH

Ilmu ini tidak lahir secara spontan tetapi ia berkait rapat dengan usaha untuk mempertahankan kemurnian dan autoriti hadith itu sendiri. Hadith sebelum di *tadwink* secara menyeluruh, sangat memerlukan malah dituntut supaya sanad hadith tersebut disebut sepenuhnya sampailah kepada Rasulullah (s.a.w.).

Keadaan ini tidak terdesak di kalangan generasi awal kerana dekatnya jarak mereka dengan zaman *nubuwwah*. Tambahan pula hadith-hadith ini dibawa oleh para sahabat yang disepakati keadilan mereka. Semakin jauh umat Islam dari Nabi (s.a.w.) dan zamannya, hadith semakin memerlukan kepada penelitian, ditambah pula dengan meletusnya fitnah yang melanda umat Islam di penghujung pemerintahan Khulafā' al-Rasyidin, bermula dengan peristiwa pembunuhan Khalifah 'Uthmān ibn Affān r.a. (m. 35H). Justeru itu, Muhammad bin Sīrīn (m. 35H), yang merupakan *kibār al-tābi'in*, berkata: "Mereka tidak bertanyakan akan sanad, apabila meletusnya fitnah, mereka berkata: Namakan kepada kami *rijal* kamu, maka dilihat kepada *ahl al-sunnah* lalu diterima hadith mereka dan dilihat kepada *ahl al-bida'* lalu tidak diambil hadith mereka".¹⁴

Di dalam era berikutnya keadaan menjadi lebih kritikal lagi apabila ramai para huffaz meninggal dan tersebar nya hadith-hadith palsu di kalangan umat Islam ekoran dari peristiwa sebelumnya.

¹³ Dr. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abadī *ibid*, hal. 9.

¹⁴ Lihat: Muslim, *op.cit.*, 1/15; 'Abd Allāh bin 'Abd al-Rahmān bin al-Faḍl al-Dārimī, *Sunan Al-Dārimī*, Kahirah: Dār al-Rayyān, 1987, 1/123 hadith no. 416.

Inilah yang telah mendorong Khalifah 'Umar bin 'Abd al-'Aziz (m. 101H) untuk mengambil inisiatif membukukan secara rasmi hadith Rasulullah s.a.w.. Lalu dikeluarkan arahan kepada para pembesar di setiap wilayah Islam, antaranya Muhammad bin 'Amr bin Hazm (m. 117H) dan juga ulamanya al-Qāsim bin Muhammad bin Abū Bakr (m. 107H) untuk bergerak mengumpulkan pusaka peninggalan Rasulullah s.a.w.. Peranan tokoh seperti Ibn Syihāb al-Zuhri (m. 124H) sebagai peneroka usaha murni ini sangat besar. Ia diikuti kemudiannya oleh tokoh-tokoh seperti Ibn Jurayj (m. 150H), Mālik bin Anas (m. 179H), Sufyān al-Thawrī (m. 161H) dan ramai lagi. Usaha ini telah membawa kepada terkumpulnya hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.) yang akhirnya sampai ke zaman keemasannya.

Berbagai bentuk karya hadith telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh besar hadith seperti *muwaṭṭā'*, *musnad*, *jāmi'*, *sunan*, *muṣannaf* dan lain-lain.

Takhrij hadith pada tiga kurun pertama hanya dalam bentuk para muḥaddith menyebut hadith beserta sanadnya sampai kepada Nabi, samada dengan mencatat dalam karya mereka atau dengan lisan yang disebut di *ḥalaqat al-Hadith* yang dikendalikan oleh tokoh-tokoh berkenaan atau kedua-duanya sekali.

Ini adalah peringkat dibentuk asasnya dan dianggap sebagai peringkat awal pertumbuhan. Ia diikuti dengan peringkat pemantapan, iaitu peringkat di mana seorang muḥaddith memuatkan hadith yang diambil dari tokoh sebelumnya dan di *takhrijkan* hadithnya satu persatu dengan mengekalkan sanad tokoh tersebut, lalu diselusuri sanad yang selain dari sanad tersebut dari sumber yang lain dan titik pertemuan antara sanad adalah pada guru tokoh pertama atau selepasnya, malah ada juga bertemu pada tahap para sahabat. Di peringkat ini para muḥaddithin menggunakan istilah *istikhrāj*. Ternyata banyak karya bentuk ini telah dihasilkan oleh para muḥaddithin.¹⁵

Tahap berikutnya adalah tahap dimana seorang muḥaddith membuat koleksi hadith yang diriwayatkan oleh guru-gurunya, lalu diteliti dan disemak tokoh yang sebelumnya yang meriwayatkan hadith tersebut seperti tokoh-tokoh dari kalangan *kutub al-sittah*. Usaha ini dipelopori oleh Imām al-Darqutnī dan sampai ke kemuncaknya di zaman Imām al-Bayhaqī.¹⁶

Ramai tokoh-tokoh hadith dari kalangan *mutakhirin* terlibat dalam usaha ini selain dua tokoh yang disebut di atas. Antara mereka adalah Abū al-Faḥḥ Muhammad bin Ahmad al-Baghdādī (m. 412H), Abū 'Abd Allāh Husayn bin Ahmad Ibn al-Baqqāl

¹⁵ Dr. Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī telah menyenaraikan sebanyak 28 buah buku *istikhrāj* ini. Lihat: *Takhrij al-Hadith*, hal. 24-28.

¹⁶ *Ibid.* hal. 26.

(m. 477H), Abū Ṭāhir Ḥmad bin Muḥamad bin Ḥmad al-Asbahānī (m. 576H) dan lain-lain.¹⁷

Tahap yang terakhir dalam perkembangan *takhrīj* adalah dengan terhasilnya karya-karya yang dinamakan sebagai kitab *takhrīj* sekarang dengan memperturunkan hadith yang dimuatkan dalam mana-mana karya lalu diteliti dari setiap aspek lalu diberi penilaian yang sewajar dengan kedudukan sanad dan matan. Usaha ini berjalan dengan pesat dan lahirilah sejumlah besar karya-karya *takhrīj* ini. Berdasarkan kepada penelitian Dr. Muḥammad Abū al-Layth, jumlahnya adalah 36 buah termasuk beberapa kajian yang dibuat sebagai latihan ilmiah dalam bidang ini, samada di peringkat sarjana dan juga doktor falsafah di beberapa institusi pengajian tinggi di Arab Saudi.¹⁸

TAKHRĪJ SEBAGAI SATU ILMU

Takhrīj sebagai satu ilmu yang disusun secara sistematik hanya wujud di penghujung abad lalu. Peneroka yang meletakkan asas kepada ilmu ini adalah guru penulis, Syeikh Dr. Maḥmūd al-Ṭahḥān dengan terbitnya buku beliau *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānīd* pada tahun 1978. Beliau telah menggariskan kaedah, prinsip, metod dan jalan-jalan *takhrīj* dalam karya beliau tersebut.

Setelah itu muncullah beberapa penulis-penulis lain yang menghasilkan beberapa karya lain dengan sedikit-sebanyak tokok-tambah bagi memantapkan ilmu ini, di samping mengulangi apa yang telah disentuh oleh Dr. Maḥmūd al-Ṭahḥān. Karya itu adalah *Turuq Takhrīj al-Ḥadīth* oleh Dr. 'Abd al-Muḥdi bin 'Abd al-Qādir (1982), *Kashf al-Lithām 'an Asrār Takhrīj Ḥadīth Sayyid al-Anām* oleh Dr. 'Abd al-Mawjūd Muḥammad 'Abd al-Laṭīf (1983), *Al-Madkhal Ilā Takhrīj al-Ḥadīth wa al-Aḥār wa al-Ḥukm 'Alayhā* oleh Dr. Abī Bakr 'Abd al-Samad bin Bakr bin Ibrāhīm 'Abid (1410), *Al-Ta'sīl li Uṣūl al-Takhrīj* oleh Dr. Bakr bin 'Abd Allāh Abū Zayd (1413), *Husul al-Tafrīj bi Uṣūl al-Takhrīj* oleh Syeikh Ḥmad bin Muḥammad bin al-Siddiq al-Ghamarī (1414H). Dr. Hammām 'Abd al-Rahīm Sa'id juga menerbitkan bukunya *Takhrīj al-Ḥadīth* pada 1996 tetapi ia merupakan nota bagi subjek *takhrīj* di Universiti Terbuka al-Quds, Jordan. Kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam beberapa aspek dalam ilmu ini yang tidak disentuh oleh penulis-penulis di atas telah dimantapkan dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Dr. Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abadi dalam karya beliau *Takhrīj al-Ḥadīth Nasyatuh wa Manhajyyatuh*

¹⁷ *Ibid.* hal. 26-27.

¹⁸ *Ibid.* hal. 28-35.

(1999M). Sepanjang pengetahuan penulis karya ini adalah yang terkini mengenai *takhrīj*.

Pengajian *takhrīj ḥadīth* telah dijadikan suatu ilmu yang dipelajari sebagai pelengkap kepada kursus yang berkaitan dengan hadith di peringkat ijazah di beberapa universiti di Timur Tengah sejak ia diperkenalkan oleh Dr. Mahmūd al-Tahhān. Lanjutan dari itu, subjek tersebut turut mendapat tempat di beberapa institusi pengajian tinggi tempatan. Dimana telah dijadikan satu subjek yang tawarkan kepada para pelajar, walaupun sebagai kursus elektif, hasilnya kajian-kajian yang berkaitan dengannya dilanjutkan oleh calon yang berminat untuk program pasca siswazah.

KEPENTINGAN ILMU TAKHRĪJ

Ilmu *takhrīj* adalah ilmu yang berkaitan langsung dengan hadith Rasulullah (s.a.w.). Sedangkan kaitan antara al-Qur'an dan al-Hadith begitu rapat sekali. Kedua-duanya adalah sumber bagi syariat Islam. Dengan itu setiap mereka yang terlibat dengan syariat samada langsung atau tidak langsung sangat perlukan pengetahuan berkaitan dengan *takhrīj* dan sepatutnya dapat menguasainya.

Semua kalangan ilmuan Islam baik dalam bidang syariah ataupun usuluddin memerlukan ilmu ini bagi memudahkan mereka dalam merujuk hadith Rasulullah (s.a.w.) dari sumbernya yang utama. Seterusnya dapat membuat penilaian yang tepat mengenai kedudukan berdasarkan kepada penelitian terhadap sanad dan matan hadith.

Kuat atau lemahnya sesebuah hadith akan menentukan sesuatu hukum. Berpunca dari kegagalan mereka yang terlibat secara langsung dengan fiqh mendalami hadith boleh menyebabkan mereka berdalilkan dengan hadith-hadith dha'if malah yang tidak diketahui sanad dan sumbernya. Amat tidak wajar ahli al-Hadith tidak terlibat dengan fiqh dan para fuqaha' pula tidak mendalami mengenai hadith dan ilmu-ilmunya.

Secara umumnya faedah dari ilmu *takhrīj al-Ḥadīth* ini merujuk kepada dua perkara utama:

1. Faedah yang berkaitan dengan sanad:

Melalui ilmu *takhrīj al-Ḥadīth* seorang pengkaji dapat menilai sebanyak mungkin sanad yang terdapat bagi sesuatu hadith dari berbagai sumber, sekaligus dapat menilai kekuatan dan kelemahan sesuatu hadith dan mengetahui kedudukannya yang sebenar. Seseorang pengkaji juga dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang mungkin terdapat pada sanad, seperti perawi yang tidak dikenali identitinya. Di samping itu, dapat juga dikenalpasti kecacatan atau kecuaiian yang mungkin dilakukan oleh seseorang perawi dalam meriwayatkan hadith.

2. Faedah yang berkaitan dengan matan:

Seseorang pengkaji atau pelajar akan dapat mengetahui maksud yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu hadith, di samping dapat melihat realiti dan persekitaran yang terdapat bagi sesuatu hadith atau dalam kata lain *asbāb wurūd al-hadīth*.

3. Seseorang pengkaji atau pelajar melalui ilmu *takhrīj al-hadīth* dapat mengetahui sumber rujukan bagi sebuah hadith, begitu juga dapat diketahui kecacatan, kesamaran, kekurangan dan penyelewengan yang mungkin terdapat dalam sesuatu hadith.¹⁹

PENUTUP

Artikel ini adalah suatu soroton umum berkaitan dengan ilmu *takhrīj Ḥadīth* yang merupakan suatu cabang dari 'ulum hadith yang sangat penting bagi semua pihak terutama ilmuan, para pengamal hukum di institusi-institusi Islam dan juga para pendakwah. Tanpanya seseorang boleh terdedah kepada kesilapan dalam interaksinya dengan hadith Rasulullah (s.a.w.). Risikonya bukan ditanggungnya sendirian tetapi akan melibatkan khalayak umat Islam.

¹⁹ Perincian bagi faedah ilmu ini boleh dirujuk pendetilannya dalam Maḥmūd al-Taḥḥān, *op.cit.*, hal. 14; 'Abd. al-Muḥdi 'Abd al-Ḥādī, *op.cit.*, hal. 11-14, Muḥammad 'Abd al-Layth, *op.cit.*, hal. 20-22.